

BAB 5

PENUTUP

5.1. ANALISIS

Dalam kajian ini penulis memulakan perbincangan tentang konsep akad BBA menurut perspektif undang-undang kontrak Islam. Walaupun tidak terdapat nas-nas yang nyata tentang keharusan akad BBA di dalam al-Quran dan al-Sunnah, namun ulama fiqh sependapat tentang keharusan urusanniaga tersebut atas dasar bahawa BBA juga merupakan satu cabang daripada transaksi jual beli biasa. Justeru itu asas akad BBA yang digunapakai dibuat berdasarkan konsep akad jual beli yang dihalkan oleh Allah S.W.T.

Pada asasnya kontrak BBA yang diamalkan oleh Bank Rakyat serta sistem perbankan Islam yang lain berdasarkan kepada akad jual beli yang ditangguhkan harganya. Ini bermakna pembelian barang tersebut dibuat secara hutang. Pembayaran hutang tersebut dibuat dengan harga yang berbeza dengan harga belian secara tunai iaitu pihak bank akan menambah dengan kadar keuntungan yang dikenali dengan *profit margin*. Dalam sistem muamalah Islam tambahan keuntungan ini dikenali sebagai *bay' murābahāh*.¹

Berdasarkan kajian ini penulis berpendapat asas utama yang membezakan akad BBA dengan skim pinjaman konvensional adalah penentuan lebihan yang diperolehi hasil daripada pemberian perkhidmatan tersebut samada ia merupakan

keuntungan yang dihalalkan atau riba yang diharamkan oleh Allah S.W.T. Dalam hal ini, keuntungan yang diambil dalam BBA dihalalkan kerana konsep dan perlaksanaannya adalah berasaskan kepada akad jual beli biasa yang dihalalkan. Ini bermakna walaupun keuntungan yang diperolehi tidak berbeza dengan skim pinjaman konvensional, namun akad yang dilakukan menjadi asas penentu kedudukan halal haramnya sesuatu urusan itu.²

Islam menghalalkan keuntungan yang diperolehi dalam BBA kerana urusan jual beli ini melibatkan pelbagai risiko. Sebagai contoh dalam urusan pembelian rumah, pihak pembiaya (bank) sudah tentu terdedah kepada risiko sekiranya rumah yang dibeli daripada pemaju rosak sebelum sempat dijual kepada pelanggannya. Sekiranya Islam tidak membenarkan keuntungan diambil daripada urusan tersebut, sudah tentu pihak pembiaya khususnya bank akan menanggung kerugian dan tidak akan dapat menanggung kos operasi mereka.

Berbanding dengan skim pinjaman konvensional, pihak bank bukanlah bertindak sebagai penjual. Sebaliknya mereka hanyalah pemberi pinjaman bagi membolehkan seseorang mendapatkan harta yang diinginkannya. Dalam kata lain pihak bank akan bertindak sebagai pemiutang (*creditor*) hutang dan pelanggan sebagai penghutang (*debtor*).³ Pihak bank kemudian akan mengenakan faedah mengikut kadar pinjaman yang telah diberikannya. Ini bermakna pihak bank tidak menanggung apa-apa risiko dalam pemberian pembiayaan tersebut. Keuntungan yang diambil dengan jalan sebegini diharamkan oleh Islam kerana beban risiko yang ditanggung

hanya terletak pada sebelah pihak sahaja, sementara sebelah pihak lagi mengambil keuntungan tanpa menanggung apa-apa risiko.

Walaupun bagaimanapun dalam konteks Bank Rakyat pada hari ini, adalah wajar pihak bank mempertimbangkan kadar keuntungan yang diambil dalam pembiayaan BBANYA. Berdasarkan penelitian penulis kadar keuntungan yang diambil oleh Bank Rakyat adalah lebih kurang sama dengan kadar faedah yang dikenakan oleh skim pinjaman di perbankan konvensional. Ini menyebabkan masyarakat Islam khususnya beranggapan produk BBA yang ditawarkan oleh perbankan Islam adalah lebih kurang sama dengan skim pinjaman konvensional. Ini mungkin disebabkan penetapan kadar keuntungan yang diambil oleh pihak Bank Rakyat ini dipengaruhi oleh *Base Lending Rates* (BLR) di perbankan konvensional.⁴

Walaupun dari satu sudut salah faham ini wujud dari ketidakfahaman masyarakat Islam sendiri tentang konsep BBA itu sendiri, namun dari sudut yang lain pula pihak Bank Rakyat harus sedia mempertimbangkan sendiri penetapan kadar keuntungan yang bebas daripada pengaruh BLR. Dalam kata lain, BLR adalah berdasarkan *cost of fund* bagi setiap wang yang dikeluarkan. Sedangkan dalam BBA pengukuran kadar keuntungan adalah berasaskan kepada risiko yang dihadapi sepanjang urusan niaga tersebut. Justeru itu, keuntungan yang diambil tidak semestinya tetap (*standard*).

Dalam pemiagaan kedudukan harga sesuatu barangan memang sentiasa terdedah kepada turun naik harga. Namun begitu, pengambilan untung tidak boleh

dibuat sembarangan. Pihak bank wajar menaikkan harga jika kos meningkat. Ia bertujuan mengekalkan kadar keuntungan supaya dapat meneruskan perniagaan. Bagi pihak pembeli pula, mereka sudah tentu dapat menerima hakikat kenaikan harga atas alasan tersebut. Walau bagaimanapun kenaikan tersebut perlu munasabah dengan kos atau risiko yang dihadapi pihak bank dalam penyediaan barangan atau perkhidmatan tersebut.

Berdasarkan fakta ini, jika dilihat kepada operasi BBA di Bank Rakyat risiko yang dihadapi oleh pihak bank adalah kecil atau rendah. Sebagai contoh dalam pembiayaan pembelian rumah, biasanya pihak pelanggan yang akan mencari rumah yang dikehendaki oleh mereka sebelum memohon pembiayaan daripada pihak bank.⁵ Pihak bank seterusnya akan membeli rumah tersebut secara tunai sebelum menjualnya semula kepada pelanggan dengan harga tangguh. Bolehlah dikatakan di sini bahawa risiko yang dihadapi oleh pihak bank adalah rendah atau tiada langsung. Pihak bank tidak menanggung apa-apa risiko khususnya dari segi penyimpanan kerana rumah tersebut akan diserahkan kepada pelanggan setelah beberapa saat dibeli oleh pihak bank. Dalam kata lain kebarangkalian untuk rumah itu rosak akibat kebakaran, banjir, runtuh dan sebagainya adalah terlalu kecil.

Justeru itu, adalah wajar kadar keuntungan yang diambil oleh Bank Rakyat ini perlu dilihat kepada sejauhmana risiko yang dihadapi oleh pihak bank. Sekiranya risiko yang dihadapi oleh pihak bank tinggi dan besar, maka pengambilan keuntungan yang tinggi dan besar juga adalah wajar. Sebaliknya adalah tidak munasabah sekiranya Bank Rakyat masih mengambil keuntungan yang tinggi sedangkan pada

masa yang sama risiko yang dihadapinya dalam urusniaga tersebut sangat rendah. Sungguhpun pengambilan keuntungan ini tidak akan membatalkan kontrak, namun ia dilihat seakan-akan tidak sempurna kerana pihak pelanggan tiada pilihan lain selain mengambil pembiayaan secara BBA ini walaupun kadar keuntungannya tinggi dan membebankan.

Memang tidak dapat dinafikan sebagai sebuah bank, perjalanan atau operasinya mestilah bersifat *tijāri*⁷ yang bertujuan untuk mencari keuntungan daripada aktivitiya.⁶ Walau bagaimanapun dalam menjalankan aktiviti bersifat keuntungan tersebut, pihak bank tidak seharusnya melupakan soal kebajikan khususnya dalam membantu umat Islam yang kurang berkemampuan. Ini bermakna pengambilan untung yang optimum perlu difikirkan bagi menjamin bahawa kewujudan bank yang bercirikan Islam benar-benar menjadi alternatif terhadap sistem perbankan konvensional.

Perlaksanaan sistem perbankan Islam di Malaysia haruslah sesuai dengan matlamatnya iaitu untuk mengelakkan masyarakat Islam terjebak dalam sistem perbankan riba yang mempunyai unsur-unsur penindasan. Sekiranya seseorang pelanggan masih lagi terpaksa membayar kembali jumlah ansuran pembiayaan yang tinggi sama seperti pinjaman di bank konvensional, maka sudah tentu matlamat ini tidak akan tercapai. Ini kerana walaupun kaedah ini adalah halal berbanding dengan pinjaman yang dilakukan di bank konvensional, namun unsur penindasan masih lagi wujud.

Oleh kerana itu pelaksanaan sesuatu produk yang dibuat atas nama 'Islam' perlulah dilaksanakan secara menyeluruh merangkumi falsafah dan objektif yang terdapat di dalamnya.¹ Jika pelaksanaan sahaja dibuat secara Islam, sedangkan ruhnya masih lagi konvensional maka sudah tentu pelaksanaan sistem perbankan Islam ini tidak akan dapat membawa perubahan besar terhadap perkembangan sistem muamalat Islam itu sendiri. Ini bermakna penghapusan institusi riba hanyalah sebahagian daripada tujuan kewujudan sistem perbankan Islam di samping beberapa tujuan lain yang tidak boleh ditinggalkan begitu sahaja seperti melaksanakan keseluruhan prinsip keadilan sosial dan undang-undang muamalat Islam dalam setiap amalan dan peraturan yang digunapakai oleh sistem perbankan Islam di Malaysia.²

Selain itu dalam pelaksanaan akad BBA didapati banyak syarat-syarat tambahan yang dikenakan oleh pihak bank dalam urusan BBA mereka. Bagi penulis tambahan terhadap syarat-syarat dalam pembiayaan BBA ini merupakan suatu masalah yang perlu dikenakan kerana pihak bank menggunakan wang pendeposit dalam menawarkan pembiayaan kepada pelanggannya. Sekiranya penawaran terhadap pembiayaan ini tidak dibuat secara berhati-hati dikhuatiri akan mendatangkan masalah kepada pihak bank sendiri di kemudian hari.

Islam mengiktiraf kepentingan umum sekiranya ia selaras dengan undang-undang Syariah. Sebaliknya Islam tidak mengiktiraf kepentingan personal melainkan jika dapat dibuktikan bahawa kepentingan yang hendak dilindungi tidak bercanggah dengan Syarak. Ini bermakna kemasukan syarat-syarat tertentu di dalam BBA adalah

dibolehkan jika tujuan syarat tersebut adalah untuk kepentingan peribadi pihak penjual atau pembeli dan diiktiraf oleh Syarak.

Islam juga menerima sesuatu peraturan yang dibuat selagimana peraturan atau syarat yang dikenakan itu tidak bercanggah dengan kehendak Syarak atau maksud akad itu sendiri. Sebagai contoh syarat yang menghendaki suatu jaminan kewangan sebagai satu sekuriti dalam BBA adalah dibenarkan sungguhpun syarat tersebut tidak ada hubungan dengan tujuan atau maksud akad itu sendiri.⁷ Ini bermakna sekiranya ada kemaslahatan yang perlu dijaga maka tidak ada sebab pihak bank tidak boleh menambah syarat-syarat baru di dalam akad BBAny. Dalam Islam sendiri menolak kemudaratannya adalah lebih diutamakan. Lebih-lebih lagi duit yang diperolehi daripada bank bagi memberi pembiayaan merupakan duit simpanan deposit orang ramai yang perlu diurus dengan baik dan amanah.

Justeru itu berdasarkan kajian ini, penulis berpendapat bahawa produk BBA yang dijalankan oleh Bank Rakyat adalah bertepatan dengan konsep akad BBA menurut perspektif undang-undang kontrak Islam. Walaupun terdapat tambahan dari segi syarat, namun ia dibenarkan kerana sesuai dengan sifat fiqh itu sendiri yang sentiasa fleksibel mengikut perubahan suasana dan zaman.

5.2. RUMUSAN

Perbankan Islam yang berasaskan muamalah Islam di Malaysia mula diperkenalkan apabila Akta Bank Islam 1983 (Akta 276) diluluskan. Akta ini

memberi kuasa kepada penubuhan Bank Islam Berhad yang beroperasi sepenuhnya mengikut Syariat Islam. Sepuluh tahun kemudian iaitu pada tahun 1993 Bank Negara mengeluarkan Lesen Perbankan Islam kepada semua bank konvensional agar membuka kaunter perbankan Islam dengan mengikut Bank Islam Bhd. yang dikenali dengan Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF). Dekad ini bolehlah dianggap sebagai fasa ke-2 perkembangan sistem perbankan Islam yang membawa sistem ini daripada pinggiran kepada sistem perbankan yang menuju arus perdana.⁸

Pengeluaran lesen ini turut mendorong Bank Rakyat menukar operasi perbankannya kepada perbankan Islam pada Mei 1993. Seterusnya beberapa produk transaksi Islam yang berasaskan jual beli (*trading based instruments*) diperkenalkan seperti BBA, *murābahah*, *ijārah*, *wadī'ah* dan produk berasaskan konsep perkongsian untung rugi (*concept of profit-loss sharing*) seperti *muḍārabah* dan *musyārahah*. Kelahiran produk-produk ini merupakan alternatif kepada umat Islam di negara ini bagi mengelakkan diri dari terlibat dalam amalan riba.

Sistem perbankan Islam secara umumnya mempunyai fungsi yang sama sepertimana sistem perbankan Konvensional. Walau bagaimanapun dalam penawaran produknya, sistem perbankan Islam perlu mematuhi hukum-hukum Syarak berdasarkan konsep dan prinsip muamalat Islam yang telah ditetapkan.⁹ Produk-produk ini meliputi hampir kesemua bidang perbankan konvensional.¹⁰ Sehubungan dengan itu, dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah dijadikan sumber rujukan utama dalam usaha mewujudkan sistem kewangan Islam ini.

Jika dilihat kepada produk-produk yang ditawarkan oleh sistem perbankan Islam, prinsip-prinsip asas yang menjadi teras yang diterima pakai dalam urusan kewangan Islam ialah penghapusan riba dan akad perkongsian untung dan rugi antara pihak bank dengan pelanggan. Bunga atau riba merupakan suatu bayaran tetap yang dikenakan oleh pihak bank kepada pelanggannya. Jumlah bunga yang dikenakan kepada peminjam itu ditentukan dahulu dalam kontrak perjanjian antara pihak bank dan pelanggan. Unsur bunga atau faedah ini sentiasa bertambah dari masa ke semasa tanpa mengambil kira situasi peminjam.

Penubuhan skim BBA pula merupakan suatu akad jualan tangguh di mana pihak bank akan membeli aset yang dikehendaki oleh pelanggan. Pihak bank kemudiannya akan menjual semula aset tersebut kepada pelanggan dengan harga tangguh. Pelanggan ketika itu dikehendaki membayarnya secara beransur-ansur mengikut kadar serta tempoh yang telah dipersetujui bersama ketika akad. Penawaran produk ini bertujuan membantu masyarakat Islam untuk mendapatkan keperluan pembiayaan hutang yang selaras dengan kehendak Syarak. Ini kerana tidak semua orang mampu untuk menyediakan wang tunai dalam pembelian aset khususnya yang melibatkan puluhan ribu ringgit dalam sesuatu masa.

Operasi dan pelaksanaan BBA adalah berbeza dengan pinjaman (*loan*) yang ditawarkan oleh bank konvensional yang lain. Ini kerana BBA berasaskan kontrak pertukaran dan bayaran tangguh yang diharuskan di dalam sistem muamalat Islam, manakala pinjaman konvensional adalah berteraskan riba yang diharamkan. Perbezaan ini berlaku kerana dalam sistem konvensional, faedah atau *interest*

merupakan pulangan kepada segala transaksinya, manakala dalam perbankan Islam pulangan yang diperolehi dari aktiviti adalah dalam bentuk keuntungan. Ini bermakna dalam bank konvensional setiap ringgit yang dikeluarkan dari bank dianggap sebagai pinjaman yang mesti dipulangkan kembali pada masa tertentu dengan lebih yang ditetapkan sebagai imbuhan kepada wang tersebut (*Cost Of Fund*). Justeru itu, bank tidak perlu melihat kepada peminjam apakah wang pinjaman tersebut telah menghasilkan pulangan lebih atau tidak. Berbeza dengan perbankan Islam di mana urusan bank dengan pelanggannya adalah berlaku secara perniagaan yang tertakluk kepada risiko tertentu dan wang hanya menjadi alat kepada urusniaga tersebut.¹¹

Oleh sebab itu faedah atau *interest* yang dikenakan oleh bank konvensional ini berubah-ubah dari semasa ke semasa mengikut turun naiknya BLR. Berbeza dengan Perbankan Islam di mana pulangannya adalah berdasarkan kepada keuntungan yang munasabah bagi jenis perniagaan dan kos terlibat serta risiko yang dihadapinya. Keuntungan ini adalah tetap dan tidak berubah-ubah setelah dipersetujui bersama semasa akad dilakukan.

Perlaksanaan BBA di Bank Rakyat bertujuan untuk memberi kemudahan pembiayaan kredit kepada pelanggan bagi mendapatkan aset dengan bayaran ansuran yang berlandaskan hukum Syarak. Keperluan masyarakat terhadap pembiayaan tidak dapat diperkecilkan lagi dalam masyarakat masa kini. Dengan adanya produk seumpama ini masyarakat Islam khususnya dapat turut serta menggunakannya tanpa ragu-ragu. Ini kerana berdasarkan akad ini penjual boleh menetapkan harga yang

lebih tinggi di samping menetapkan tempoh bayaran ansuran serta tangguhannya berdasarkan persetujuan kedua-dua belah pihak.

Perlaksanaan BBA bukanlah berasaskan keuntungan semata-mata, malahan turut mengambil kira faktor agama. Dalam hal ini natijah daripada perlaksanaan BBA ini, bukan sahaja mendatangkan keuntungan kepada pihak bank tetapi turut memberi manfaat kepada masyarakat yang tidak berkemampuan.

Namun begitu terdapat juga yang meragui dengan produk BBA. Mereka masih beranggapan BBA yang ditawarkan oleh sistem perbankan Islam adalah sama dengan produk pinjaman yang ditawarkan oleh perbankan konvensional. Keadaan ini timbul adalah hasil daripada ketidakfahaman tentang konsep BBA yang sebenarnya. Seperti yang telah dibincangkan dalam bab terdahulu, dalam pemberian pinjaman bank konvensional sebenarnya bertindak sebagai pemberi hutang kepada pelanggannya. Pihak pelanggan dikehendaki membayar balik pinjaman tersebut berserta dengan faedah yang telah ditetapkan. Ini bermakna wang menjadi asas dalam transaksi tersebut. Manakala barang hanyalah dijadikan cagaran sebagai jaminan dalam pemberian pinjaman oleh pihak bank.

Berbeza dengan BBA pula, skim BBA dijalankan berasaskan transaksi jual beli yang melibatkan penangguhan harga bayaran. Di bawah kontrak ini, transaksi jual beli berlaku antara bank dengan pemaju dan kemudiannya menjual semula kepada pelanggan. Oleh kerana itu hubungan antara bank dan pelanggan bukan sebagai pemberi pinjaman dan peminjam, tetapi adalah penjual dan pembeli.

Penanggunghan harga hanya berlaku dalam transaksi jual beli antara pihak bank dan pelanggan. Bank akan mendapatkan keuntungan daripada transaksi yang dijalankan. Selain itu asas kontrak yang dilakukan dalam BBA bukanlah berbentuk wang tetapi dalam bentuk barangan. Justeru itu Islam membenarkan pengambilan keuntungan hasil daripada akad jual beli tersebut.

Pengambilan untung dalam akad BBA ini dibenarkan kerana akad jual beli tersebut sudah tentu terdedah kepada pelbagai risiko untung dan rugi yang bakal dihadapi oleh pihak bank.¹² Sebaliknya Islam mengharamkan aktiviti pinjaman berasaskan konvensional kerana pemberi pinjaman bukan sahaja bebas daripada risiko kerugian bahkan memperolehi keuntungan secara bersendirian berbanding dengan risiko atau beban yang dihadapi oleh peminjam. Ini bermakna peminjam akan dikenakan faedah iaitu tambahan yang dikenakan atas modal (pinjaman) akibat penanggunghan bayaran. Pihak bank akan mendapat keuntungan daripada penanggunghan tersebut di mana semakin lama penanggunghan semakin tinggi keuntungan yang diperolehi oleh pihak bank. Malahan mereka juga akan mendapat semula yang telah mereka pinjamkan dahulu, sedangkan mereka tidak memberi barangan yang nyata sepertimana dalam jual beli biasa. Di sini wujud unsur penindasan dan eksploitasi yang diharamkan oleh agama Islam.

Islam membenarkan jual beli dan keuntungan yang diperolehi daripadanya kerana jual beli dapat memupuk semangat kerjasama, kasih sayang dan timbang rasa. Dalam hal ini keredhaan kedua-dua belah pihak perlu diambil kira bagi menjadikan jual beli itu sah di sisi Syarak. Daripada asas inilah dibentuk BBA yang melibatkan

persetujuan bersama antara penjual (bank) dan pembeli (pelanggan) dalam menentukan harga, keuntungan, tempoh bayaran serta ansuran yang perlu dibayar.

Selain itu pembiayaan melalui BBA juga, turut mengambil kira syarat-syarat jual beli yang telah ditetapkan ke atas penjual dan pembeli, harga dan harta yang menjadi subjek akad. Kesemua syarat ini perlu dipenuhi bagi mewujudkan jual beli yang sah serta mengikat di sisi Syarak.

Memang tidak dapat dinafikan perlaksanaan skim BBA di Bank Rakyat turut dipengaruhi oleh skim pinjaman yang ditawarkan oleh perbankan konvensional. Walau bagaimanapun adaptasi pelaksanaan ini selagimana tidak bercanggah dengan Syarak boleh digunapakai apatah lagi ia boleh membawa kemajuan kepada sistem perbankan Islam itu sendiri. Sebaliknya mana-mana elemen yang bercanggah boleh diubahsuai agar ia dapat digunakan dalam usaha memantapkan lagi pelaksanaan BBA ini.

Berdasarkan pengamatan penulis juga, syarat perjanjian yang digunakan oleh Bank Rakyat dibuat di dalam bahasa Inggeris. Masalah yang timbul ialah apabila pelanggan yang tidak memahami bahasa tersebut menandatangani perjanjian tanpa mengetahui dan memahami isi kandungan perjanjian itu. Sekiranya pelanggan menurunkan tandatangan tanpa mengetahui butiran perjanjian dikhuatiri wujud unsur paksaan di dalamnya sehingga boleh menyebabkan akad tersebut tidak sah. Ini kerana dalam sistem muamalat Islam antara syarat akad itu ialah pembeli mengetahui perkara yang diakadnya serta bebas daripada unsur paksaan. Justeru itu adalah wajar

bagi Bank Rakyat menyediakan dua versi surat perjanjian di dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Ia bukan sahaja memberi lebih kefahaman kepada pelanggan malahan dapat memastikan akad yang dilakukan dibuat dengan sempurna.

Justeru itu penubuhan Majlis Pengawasan Syariah dan Jabatan Bank Islam di Bank Rakyat diharap mampu memikul tanggungjawab memastikan urusan yang dijalankan oleh Bank Rakyat memenuhi kehendak Syarak.¹³ Perlantikan golongan yang pakar dalam bidang muamalat Islam ini dapat membantu perjalanan operasi sesebuah bank agar selaras dengan sistem muamalat Islam yang sebenarnya.

Kelebihan skim BBA ini menarik minat orang ramai daripada orang Islam dan bukan Islam untuk menggunakan skim ini¹⁴ khususnya dari segi penetapan kadar untung sepanjang tempoh bayaran kembali pinjaman. Keadaan ini secara tidak langsung memberi keuntungan jangka panjang kepada pelanggan. Ini terbukti apabila berlakunya kegawatan ekonomi baru-baru ini di mana kenaikan kadar faedah amat dirasakan oleh para peminjam melalui produk pinjaman konvensional.

5.3. CADANGAN

Dalam meningkatkan lagi sistem perbankan Islam di Malaysia secara amnya dan BBA khususnya, pihak pengurusan Bank Rakyat perlulah mempergiatkan lagi usaha promosi dengan mengendalikan seminar-seminar serta ceramah dalam usaha memberi kefahaman tentang konsep dan pelaksanaan BBA yang diamalkan di Bank Rakyat. Ini penting bagi mengelakkan kekeliruan khususnya di kalangan umat Islam

sendiri yang mengatakan produk pembiayaan BBA dalam sistem perbankan Islam adalah sama dengan produk pinjaman yang ditawarkan oleh sistem perbankan konvensional.

Selain itu, berdasarkan kemudahan-kemudahan yang ditawarkan melalui pembiayaan BBA, penulis merasakan perlu ditambah kemudahan-kemudahan lain berasaskan pembiayaan ini. Kemudahan yang ditawarkan ini diharap bukan sahaja mampu memberi kemudahan kepada masyarakat, malahan turut sesuai dengan keperluan semasa masyarakat. Bagi mencapai matlamat ini, Bahagian Pembangunan Produk di Bank Rakyat harus sentiasa proaktif dalam melakukan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) terhadap produk BBA dan produk-produk lain yang ditawarkan agar sentiasa berdaya saing dengan produk-produk yang ditawarkan di bank konvensional. Penyelidikan ini diharap mampu melihat kekuatan dan kelemahan Bank Rakyat dalam menawarkan produk yang berasaskan Islam ini.

Bagi menjayakan penyelidikan yang lebih berkesan ini, pihak bank harus sedia membuka pintu yang lebih luas kepada para pelajar yang ingin menjalankan kajian berhubung dengan sistem perbankan yang dijalankan di Bank Rakyat. Sekatan dari segi polisi bank yang banyak dalam mendapatkan maklumat perlu dipermudahkan bagi merangsang minat generasi seterusnya melakukan kajian. Mungkin disebabkan ini jugalah, kebanyakan penulisan mengenai sistem perbankan Islam lebih banyak merujuk kepada perbincangan mengenai sistem perbankan Islam itu sendiri secara umum. Penulisan mengenai produk-produk yang ditawarkan dalam sistem perbankan Islam jarang didapati atau jika adapun jumlahnya amat sedikit.

Justeru itu pihak bank, ahli akademik dan tokoh ilmuwan perlulah bekerjasama bagi memperbanyakkan lagi penulisan mengenai produk-produk yang ditawarkan oleh sistem perbankan Islam. Penulisan sebegini bukan sahaja dapat memberi penerangan kepada masyarakat, malahan turut menggalakkan percambahan ilmu melalui pandangan dan kritikan yang diberikan.

Bagi meningkatkan lagi sistem BBA pula, proses pengurusan yang sedia ada haruslah disingkatkan. Proses pengurusan yang singkat dapat menjimatkan masa semua pihak terutamanya pelanggan. Ini kerana pelanggan lazimnya terpaksa mengambil cuti berhari-hari untuk menguruskan permohonan pembiayaan BBA. Berbanding dengan skim pinjaman biasa, proses pengurusannya lebih mudah dan cepat. Pengurusan yang cekap dan cepat bukan sahaja dapat mengurangkan kos yang terpaksa ditanggung oleh pelanggan, malahan mampu menarik lebih ramai orang menggunakan khidmat pembiayaan secara BBA.

5.4. KESIMPULAN

Berdasarkan kajian ini dapatlah disimpulkan bahawa akad BBA yang dilaksanakan oleh Bank Rakyat merupakan akad pembiayaan yang selaras dengan kehendak Syarak. Walau bagaimanapun sistem ini perlu dipertingkatkan lagi secara keseluruhannya agar produk pembiayaan Islam ini mampu melayani perubahan zaman. Penawaran kemudahan baru melalui perkhidmatan ini perlu difikirkan melalui proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dipelopori oleh Bahagian Pembangunan Produk di Bank Rakyat, Institusi-institusi Pengajian Tinggi serta para

ilmuwan dalam bidang perbankan Islam. Adalah diharapkan urusniaga tanpa riba ini akan menjadi pilihan utama masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia pada masa akan datang dalam mendapatkan kemudahan pembiayaan.

NOTA HUJUNG

- 1 Ahmad Hidayat Buang (1995), "Pemasukan Syarat di dalam Akad", *Jurnal Syariah*, Jil. 3 Bil. 2, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 269.
- 2 Mohd Ali Baharum (1990), *Masalah Perumahan Penyelesaian Menurut Perspektif Islam*, Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 111.
- 3 Perkembangan Perbankan Islam di Malaysia, <http://www.neac.gov.my/statements/malaynews.shtml>, 22 Jan 2001.
- 4 Mohd Ali Haji Baharum, "Cabaran Perbankan Islam dalam Suasana Sistem Perundangan dan Ekonomi Konvensional", (Kertas kerja Seminar Kebangsaan Undang-undang Perbandingan, 12-13 Jun 2001, Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi), h. 4.
- 5 Temubual dengan Encik Mohd Mustaffa Kamal Bin Ali, Eksekutif Bank Rakyat Cawangan Bahau, N. Sembilan, pada 21 Disember 2001, jam 11.30 pagi.
- 6 Mohd Ali Hj. Baharum, *op cit*, h.116.
- 7 Ahmad Hidayat Buang, *op cit*, h. 264.
- 8 Joni Tamkin Borhan, "Isu-isu Syariah dalam Sistem Perbankan Islam", *Jurnal Pemikir*, Utusan Publications, 2001, h. 107.
- 9 Nor Mohamed Yacop (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, h. 74-94; Mohd Ali Hj. Baharum, "Kaedah-kaedah Syariah dalam Muamalat (Principals of Sharia in Muamalat)", (Kertas kerja Seminar Keusahawanan dan Perniagaan Islam, Kuala Lumpur) 28-29 November 1987).
- 10 Yahia Abdul Rahman (1999), *Interest Free Islamic Banking, Lariba Bank: Foundation For a United and Prosperous Community*, Kuala Lumpur: Al-Hilal Publishing , h. 107-108.
- 11 Mohd Ali Hj. Baharum, *op.cit*, h.4
- 12 Saiful Azhar Rosly (Dr.), "Prinsip-prinsip dalam Pembentukan Instrumen Perbankan Islam: Satu Penilaian Kritis", (Kertas kerja dalam Seminar sistem kewangan Islam 1999, Shah Alam, 7 Ogos 1999), h. 7
- 13 Seksyen 3 (5) (b) (c), Akta Bank Islam, 1983.
- 14 Utusan Malaysia, 10 April 98 dan 26 Disember 2000.